

07 MAY 1999

Bomba

ANGGOTA BOMBA BERSEDIA BANTU INDONESIA

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat telah melengkapkan anggota dan pegawainya dengan kepakaran pelbagai untuk persediaan menghadapi tugas mencabar termasuk membantu Indonesia menangani kebakaran hutan.

Ketua Pengarah jabatan itu Datuk Dr Soh Chai Hock hari ini berkata buat masa sekarang semua anggota siap sedia untuk dihantar bertugas di luar negara.

"Tetapi walau apapun kita kena tunggu arahan daripada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas demonstrasi kebombaian di Tasik Titiwangsa di sini.

Dalam demonstrasi kira-kira sejam itu, pasukan bomba dan penyelamat menunjukkan pelbagai cara menyelamatkan termasuk melalui udara dan di dalam air kepada delegasi Indonesia yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Mengenai Kerjasama Bantuan Bencana Malaysia-Indonesia.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Negeri Koordinator Bidang Kesejahteraan Rakyat dan Pengentasan Kemiskinan merangkap Pengerusi Badan Koordinasi Nasional Penanggulangan Bencana Prof Dr Haryono Soyono.

Soh berkata sejak kejadian jerebu lepas, anggota bomba dan penyelamat telah dilatih dengan kepakaran pelbagai berikutan arahan dari kerajaan supaya pasukan itu sentiasa dalam keadaan bersedia.

Katanya anggota-anggota berkenaan bukan sahaja bersedia membantu Indonesia tetapi juga negara-negara lain yang memerlukan bantuan kerana memadamkan kebakaran adalah satu operasi yang merentasi sempadan.

"Jadi kalau kita diminta, maka dengan kebenaran kerajaan, kita boleh bertindak," katanya.

Ketika ditanya mengenai jumlah anggota yang akan dihantar ke Indonesia sekiranya perlu, beliau berkata perkara itu akan berdasarkan pengalaman pada tahun 1997. Ketika itu seramai 1,268 orang dihantar bertugas dengan perbelanjaan kira-kira AS\$10 juta.

Terdahulu Prof Haryono berkata kemampuan dan peralatan yang dimiliki pasukan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah canggih dan mampu bertindak dengan cekap dalam menjalankan usaha-usaha menyelamatkan dan memadamkan kebakaran.

Katanya ketika mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia bersedia membantu Indonesia jika berlaku kebakaran hutan atau sebagainya yang ada hubungannya dengan pemadaman kebakaran serta mencadangkan supaya beliau meninjau sendiri kemampuan pasukan bomba.

"Apa yang dilihat ialah ternyata Malaysia tidak sahaja siap untuk membantu tetapi peralatan dan tenaga-tenaganya sungguh cekap dan sangat profesional. Ini adalah suatu unit yang siap tempur pada bila-bila masa," katanya.

-- BERNAMA

SN RON